


Denggi musim El Nino meningkat

» Johor, Negeri Sembilan catat peningkatan 300 peratus

Oleh Ziauddin Sharuddin, Nik Sukry Ramli, S Anand Kumar, Nor Fazlina Abdul Rahim, Muhammad Yusri Muzamir, Faizul Azlan Razak dan Wan Nur Faliqha Wan Hazani
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Fenomena El Nino yang melanda negara ketika ini menyaksikan kebanyakan negeri mencatatkan peningkatan kes denggi dengan Johor dan Negeri Sembilan mencecah 300 peratus berikutan cuaca panas, kering dan



suhu tinggi.

Demam denggi di Johor mencatatkan 513 kes bagi minggu pertama tahun ini, berbanding 128 kes bagi tempoh sama tahun lalu. Bagaimanapun, tiada kematian dilaporkan berlaku.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Johor, Datuk Ayub Rahmat, berkata 513 kes yang dicatatkan pada minggu pertama itu adalah pertambahan 147 kes berbanding minggu sebelumnya.

INFO DENGGI 2015

120,836 kes denggi

▶ Tempoh yang sama 2014
108,698 kes

▶ Peningkatan kes
11% (12,138 kes)

▶ 336 kematian
Tempoh yang sama 2014: 215 kematian

▶ Peningkatan kematian
56.2% (121 kematian)



Katanya, bagi minggu pertama tahun ini, daerah Johor Bahru melaporkan 80 peratus kes daripada jumlah keseluruhan, diikuti Kota Tinggi (lima peratus), Kulai (empat peratus), Segamat dan Kluang (dua peratus) dan masing-masing satu peratus di Ledang, Muar, Pontian dan Mersing.

Jumlah kes tertinggi

Di Kuala Terengganu, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat negeri, Datuk Muhammad Pehimi Yusof, berkata sebanyak 12 kawasan wabak denggi dikenal pasti dengan Kuala Terengganu mencatatkan jumlah kes tertinggi iaitu 101 kes.

Katanya, ini diikuti Kuala Nerus dengan 13 kes, Dungun (10 kes),

Besut dan Hulu Terengganu (lima kes), Kemaman (tiga kes), Marang (tiga kes) dan Setiu, satu kes.

"Kelmarin, murid Tahun Enam Sekolah Kebangsaan Tengku Ampuan Mariam di sini, Nur Amara Natasha Shahrudin, 12; menjadi korban terbaharu, disahkan meninggal dunia di Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ), pada jam 4 pagi kelmarin," katanya.

Muhammad Pehimi berkata, pihaknya juga membekukan cuti kepada semua doktor dan jururawat HSNZ sejak wabak itu dikesan akhir tahun lalu.

Di Seremban, Pengarah Kesihatan negeri, Dr Abdul Rahim Abdullah, berkata kes denggi di negeri ini meningkat kira-kira 300 peratus sepanjang 10 hari perta-



Tinjauan longkang bertakung yang menjadi punca nyamuk aedes membiak di Ampang.

[FOTO HAFIZ SOHAIMI/BH]

ma tahun ini, berbanding tempoh sama tahun lalu.

Katanya, sebanyak 128 kes dicatatkan tahun ini, iaitu peningkatan mendadak berbanding hanya 32 kes tahun lalu.

Punca penularan

"Keadaan cuaca dengan keadaan hujan dan panas bersilih ganti, turut menjadi punca penularan denggi," katanya.

Di Georgetown, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang mendapati kediaman yang berada di lokasi panas denggi mempunyai tiga hingga empat tempat pembiakan nyamuk aedes.

Pengarahnya, Datuk Dr Zailan Adnan, berkata bilangan tempat pembiakan itu secara tidak langsung menunjukkan tahap kesedaran penduduk di kawasan berkenaan mengenai bahaya denggi, masih rendah.

"Berdasarkan angka ini, kami menjangkakan sekurang-kurangnya terdapat satu kes demam denggi di setiap rumah dalam zon lokaliti panas berkenaan. Kami khuatir bilangan kes akan meningkat, terutama ketika musim panas ini," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Setakat Sabtu lalu, sejumlah 194 kes baharu dicatatkan berbanding hanya 155 kes bagi tempoh sama tahun lalu.

Di Kota Bharu, Pengarah Jabatan Kesihatan Kelantan, Datuk Dr Ahmad Razin Ahmad Mahir, berkata sebanyak 58 kes denggi direkodkan di Kelantan pada minggu pertama tahun ini, berbanding tempoh sama tahun lalu, hanya 32 kes.



Daerah paling tinggi

Katanya, Kota Bharu di kesan daerah paling tinggi dilaporkan kes denggi iaitu di Pengkalan Chepa dan Kubang Kerian.

"Sehingga kini, belum ada kematian direkodkan. Pada 2014, sebanyak 14,311 kes denggi dilaporkan dengan kematian 17 orang manakala tahun lalu, 2,850 kes direkodkan dengan tujuh kematian. Berdasarkan statistik ini, 2014 menunjukkan penurunan kes sebanyak 80 peratus," katanya ketika ditemui di pejabatnya, di sini.

Di Kuantan, Pengarah Kesihatan Negeri, Datuk Dr Zainal Ariffin Omar, berkata Kuantan kekal sebagai daerah paling tinggi merekodkan kes demam denggi dengan Indera Mahkota dikategorikan sebagai 'kawasan hitam' sejak dua tahun lalu, berbanding kawasan di daerah lain di Pahang.

Katanya, sebanyak 2,176 kes demam denggi dengan enam kematian dilaporkan pada tahun 2014, manakala 3,001 kes dengan 15 kematian tahun lalu dan daerah Kuantan mencatatkan lebih 50 peratus kes daripada jumlah itu untuk dua tahun berturut-turut.